

Bukti sokongan kerajaan — Dr. M

UM 3 - NOV 1990

Malaysia setuju beri bantuan kepada ANC

KUALA LUMPUR 2 Nov. — Malaysia bersetuju memberi bantuan kewangan dan teknikal kepada Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) sebagai bukti sokongan kerajaan terhadap perjuangan kongres itu untuk menamatkan dasar apartheid rejim Pretoria.

Jaminan tersebut diberikan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad kepada Timbalan Presiden ANC, Encik Nelson Mandela dalam pertemuan empat mata di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini pagi ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Dato' Abdul Majid Mohamad dalam taklimatnya kepada para pemberita selepas pertemuan itu berkata, Encik Nelson telah menyambut baik bantuan tersebut.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri memberitahu Encik Mandela bahawa soal jumlah wang yang akan diperuntukkan serta bantuan teknikal akan diputuskan setelah perundingan di peringkat kabinet.

Selain daripada bantuan kewangan, Malaysia juga akan memberikan bantuan teknikal yang negara mempunyai kepakaran dan antara bidang yang telah dikenalpasti ialah perumahan dan latihan.

Mengenai bantuan teknikal perumahan, Dato' Majid berkata, Encik Mandela begitu tertarik dengan kesediaan Malaysia itu dan menyatakan bahawa keper-

luan perumahan untuk rakyat kulit hitam di Afrika Selatan agak mendesak.

"Kita perlu mengkaji dan merangka program ini terlebih dahulu sebelum membuat keputusan," katanya.

Bidang latihan pula, katanya, Dato' Sri Dr. Mahathir menyatakan bahawa negara bersedia memberikan apa - apa bantuan yang perlu dalam bidang tersebut khususnya berkaitan dengan kemahiran teknikal.

"Tawaran ini dibuat kerana Malaysia berpengalaman dalam bidang tersebut dan telah memberikan bantuan yang sama kepada beberapa buah negara Afrika," katanya.

Sehubungan dengan itu, Per-

dana Menteri mengalu - alukan sebarang kunjungan para pegawai ANC ke Malaysia bagi membincangkan dengan lebih lanjut mengenai bantuan kepada kongres berkenaan.

Menurut Dato' Majid, Malaysia perlu mengecualikan beberapa aspek dasar dalam memberikan bantuan kepada ANC iaitu sebuah parti politik kerana biasanya soal bantuan kepada pihak luar adalah mengikut urusan antara negara.

Dalam perbincangan selama lebih sejam itu, Encik Mandela memberikan gambaran dan kedudukan sebenar mengenai perkembangan terbaru khususnya berhubung rusuhan yang mengakibatkan 16 orang terbunuh di Johannesburg kelmarin.

Menurut Encik Mandela, gagasan terbaru itu sebenarnya adalah 'kerja' pasukan keselamatan Afrika Selatan dan bukan berpunca dari rakyat kulit hitam.

Tindakan tersebut, kata pejuang kulit hitam itu sengaja dilakukan kerana mereka tidak mahu ANC semakin berpengaruh dan sebagai cubaan menggagalkan usaha mengadakan rundingan antara Presiden Afrika Selatan, F.W. de Klerk dan ANC.

Encik Mandela menegaskan kepada Perdana Menteri bahawa pihak berkuasa Afrika Selatan tidak menjalankan langkah yang cukup bagi membendung perbuatan jahat anggota - anggota pasukan keselamatannya.